

15/03/1997

Pahang tambah usahawan menengah

KUANTAN, Jumaat - Kerajaan negeri mengarahkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) menyediakan senarai Bumiputera yang mendapat bantuan, memegang konsesi dan kontrak kerajaan untuk dianalisis dalam usaha meningkatkan jumlah usahawan kelas menengah di Pahang.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata arahan itu dibuat dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri yang dipengerusikan beliau, Rabu lalu.

"Kita akan mencari jalan untuk meningkatkan taraf usahawan Bumiputera di negeri ini supaya dapat menjadi usahawan kelas menengah seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Dalam rombakan kecil Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bulan lalu, kita sudah mewujudkan portfolio baru iaitu Jawatankuasa Pembangunan Usahawan sebagai persediaan ke arah itu," katanya, di sini, hari ini.

Mohd Khalil yang memegang portfolio itu, berkata kerajaan negeri juga menggalakkan kakitangan kerajaan yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan untuk membabitkan diri dalam bidang itu.

Menurutnya, sesetengah kakitangan boleh bersara lebih awal untuk berbuat demikian secara serius.

"Kalau yakin boleh mengambil bahagian dalam perniagaan, kita memang memberi galakan dan sokongan. Kita mahu mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera di negeri ini.

"Contohnya, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Dara) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) sedang dalam proses untuk diswastakan.

"Oleh itu, adalah wajar pegawai kerajaan yang berminat dibenarkan mengambil alih pengurusan agensi itu untuk dikendalikan secara syarikat swasta," katanya.

(END)